

Bimbang tebing Sungai Semenyih runtuh

Rekahan tanah akibat hujan lebat semakin lebar, curam dikhuatiri bahayakan penduduk

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bharian.com.my

SEPAHANG: Penduduk Kampung Sungai Buah dekat sini, dilanda kebimbangan sejak dua bulan lalu apabila tebing Sungai Semenyih berhampiran kampung mereka runtuh dan mengundang risiko keselamatan kepada penduduk yang menggunakan laluan itu setiap hari.

Runtuhan tebing itu akibat hujan lebat sejak kebelakangan ini dan keadaan bertambah buruk apabila rekahan tanah akibat runtuhan berkenaan semakin lebar dan bertambah curam, sekali gus meningkatkan lagi bahaya kepada orang ramai.

Penduduk hairan kenapa masalah itu berlaku sedangkan runtuhan tebing itu baru saja selesai dibaiki menerusi projek Rancangan Tebatan Banjir dilaksanakan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Sepang baru-baru ini.

Tinjauan *Sentral* men-

dapati tebing sungai yang runtuh kini semakin menghampiri jalan digunakan penduduk untuk berulang alik ke ladang dan ke tanah perkuburan di kampung itu.

Penghadang hakisan yang siap dibina JPS di situ



Saya harap pihak berkaitan mengambil serius masalah ini dan bertindak segera menambak semula tebing sungai ini bagi memperkukuhkan kembali struktur tebingnya demi keselamatan orang ramai

Nasir Samsudin
Pengerusi JKKP Kampung Sungai Buah

hampir tumbang disebabkan tidak dapat menampung beban tanah yang semakin banyak bertimbun di tepi sungai berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemaajuan Kampung Persekutuan (JKKP) Kampung Sungai Buah, Nasir Samsudin, meminta pihak bertanggungjawab segera membaik pulih tebing sungai yang runtuh itu bagi memastikan keselamatan penduduk menggunakan jalan itu tidak terancam.

Beliau berkata, projek itu siap tahun lalu dan kini bingung apabila masalah itu berulang semula sedangkan kerja baik pulih dilakukan JPS menelan perbelanjaan ribuan ringgit.

“Saya harap pihak berkaitan mengambil serius masalah ini dan bertindak segera menambak semula tebing sungai ini bagi memperkukuhkan kembali struktur tebingnya demi keselamatan orang ramai,” katanya.

Penduduk, Asmin Sidul,



NASIR meninjau tebing Sungai Semenyih yang runtuh dan mengancam keselamatan penduduk ketika menggunakan laluan berhampiran.

56, berkata tebing runtuh itu boleh menjadi serius jika dibiarkan berterusan.

“Pihak bertanggungjawab perlu turun padang dan

merangka tindakan sewajarnya bagi menyelesaikan masalah ini kerana kami tidak boleh terus menyabung nyawa ketika menggunakan

laluan ini. “Jangan menunggu berlaku musibah, barulah tindakan susulan dilakukan,” katanya.

WAN JAILANI RAZAK | BERITA HARIAN